



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI
MEMANGKU MENTERI SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN
KONSESI PELAKSANAAN SISTEM e-TANAH
SECARA KERJASAMA AWAM SWASTA BAGI
NEGERI PULAU PINANG**

1 DISEMBER 2025 (ISNIN)

MUZIUM KESENIAN ISLAM, KUALA LUMPUR

SALUTASI

YAB Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

YB Dato' Seri Haji Zulkifli bin Long

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain

Ketua Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

YBhg. Dato' Dr. Faizal bin Kamarudin

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang

Tuan Syed Azmin bin Syed Nor

Pengerusi Eksekutif Puncak Tegap Sdn. Bhd.

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan
Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kerana menjemput saya untuk bersama-sama menyaksikan pemeteraian Perjanjian Pelaksanaan Sistem Pentadbiran Tanah Secara Elektronik (e-Tanah) bagi Negeri Pulau Pinang.

2. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran YAB Ketua Menteri Pulau Pinang ke majlis ini yang melambangkan komitmen dan sokongan padu Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk mempertingkatkan agenda pendigitalan perkhidmatan pentadbiran tanah secara menyeluruh.

Hadirin sekalian,

3. Pendigitalan perkhidmatan kerajaan merupakan salah satu teras utama Transformasi Digital Negara, yang bukan sahaja mempercepat urusan pentadbiran, malah meningkatkan ketelusan, kecekapan dan 'green efficiency' dalam pentadbiran. Selaras dengan mandat yang dipertanggungjawabkan kepada NRES, transformasi ini memperkukuh pengurusan sumber asli secara mampan dan mencerminkan aspirasi Kerajaan dalam membentuk ekosistem penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas, cekap dan responsif.

4. Transformasi pendigitalan ini melibatkan proses yang kritikal seperti pendaftaran hak milik, carian rasmi, urusan pindah milik, permohonan pembangunan tanah dan banyak lagi. Sistem digital yang bersepadu membolehkan semua ini dilakukan dengan lebih cepat, tersusun, dan tanpa pergantungan kepada fail fizikal yang berisiko untuk hilang atau rosak.

5. Pemerkasaan pentadbiran tanah ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh kerjasama, khususnya dalam mempercepat proses kelulusan urusan tanah bagi tujuan pembangunan, tanpa menjejaskan prosedur sedia ada sementara tetap menghormati bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Ini termasuklah memberi penekanan kepada usaha memantapkan aspek kawal selia tanah supaya lebih inklusif, melindungi kepentingan rakyat, serta responsif terhadap keperluan dan realiti semasa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Sebelum wujudnya e-Tanah, proses pentadbiran tanah banyak bergantung kepada rekod manual dan sistem berasingan. Evolusi pemodenan bermula seawal tahun 1980 melalui Sistem Pungutan Hasil Tanah dan diikuti Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer pada tahun 1995. Namun, perkembangan semasa memerlukan sebuah platform yang bukan sahaja dapat menggabungkan semua urusan tanah secara digital, tetapi juga mampu menyelaraskan agensi-agensi berkaitan dengan lebih berkesan.

7. Di sinilah lahirnya Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta atau Public-Private Partnership (PPP). Melalui model PPP ini, kerajaan mendapat manfaat daripada kepakaran teknikal dan keupayaan inovasi sektor swasta, sementara memastikan kawal selia dan dasar pentadbiran kekal di bawah kerajaan. Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta (PPP) ini mula beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2017 sebagai projek rintis. Kejayaan pelaksanaan tersebut menjadi pemangkin peluasan sistem ini ke negeri Perak, Putrajaya, Labuan, Terengganu, Selangor, Pahang, Johor, Kelantan, Kedah dan Perlis.

8. Sebagai komitmen berterusan, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju agar sistem ini turut dilaksanakan di tiga negeri lain, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan. Dengan pelaksanaan ini, kita berada di landasan yang kukuh untuk

memastikan seluruh Semenanjung menggunakan e-Tanah sepenuhnya menjelang 2030.

Hadirin sekalian,

9. Sistem ini akan dibangunkan melalui tempoh konsesi selama 14 tahun - dua tahun pembangunan dan 12 tahun pengoperasian. Sepanjang tempoh ini, pihak konsesi bertanggungjawab untuk memastikan sistem sentiasa dikemas kini, melaksanakan latihan berterusan, serta menyediakan pemindahan teknologi sepenuhnya kepada pegawai negeri. Perkara ini penting bagi memperkukuh keupayaan dan membangunkan kepakaran sumber manusia masa hadapan. Langkah ini bagi memastikan sistem dapat diurus dengan berkesan apabila tempoh konsesi berakhir kelak.

10. Melalui peruntukan RM216.7 juta oleh Kerajaan Persekutuan, kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Puncak Tegas Sdn. Bhd. (PTSB) selaku syarikat konsesi diharapkan dapat membantu meningkatkan produktiviti dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Pelaburan ini adalah komitmen jelas kerajaan untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada sistem perkhidmatan tanah yang moden, telus dan berintegriti. Saya menyeru supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bersama jabatan dan agensi berkaitan, memanfaatkan peluang ini sebaiknya. Pastikan proses pemindahan teknologi berjalan lancar dan pastikan pegawai-pegawai diberi pendedahan secukupnya agar mereka dapat memanfaatkan sistem ini secara optimum.

12. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan semua pihak yang terlibat atas kerjasama erat dalam merealisasikan projek ini. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada perkhidmatan tanah yang lebih cekap, moden dan berimpak tinggi untuk rakyat.

Sekian, terima kasih.